



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT AND CLIMATE CHANGE

Aras 1-7, Blok C4 & C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Sektor Tenaga
Aras 2, Blok E4/5, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA
MALAYSIA

TEL : 603 - 8000 8000
FAKS : 603 - 8888 9070
Laman Web : www.mestecc.gov.my

MESTECC/TKSUS/10 – 4 Jilid 8
07 Mac 2019

Pengerusi Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park,
No.1, Jalan Pengatur cara U1/51a,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam
Selangor

Tuan,

PERMOHONAN SOKONGAN DAN KERJASAMA XUSED WORLDWIDE SOLUTIONS SDN. BHD. DENGAN KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM UNTUK MANJALANKAN “PROGRAM XUSED-EARN & RECYCLE”

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat daripada XUsed Worldwide Solutions bertarikh 8 Februari 2019 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah bersetuju dengan cadangan pihak XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. untuk mengadakan kerjasama dengan Kementerian ini bagi melaksanakan “Program XUsed-Earn & Recycle” dengan ketetapan berikut:

- (i) XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSN) dan SWCORP melalui perkongsian pandangan, maklum balas serta mendapatkan khidmat nasihat dalam memperkukuhkan program. Pihak XUsed perlu mengemukakan laporan penganjuran program yang telah dilaksanakan termasuklah data-data kutipan sisa kitar semula;
 - (ii) XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. diberi kebenaran untuk menggunakan logo Kementerian untuk diletakkan dalam *backdrop*, bunting dan poster “Program XUsed Earn & Recycle”;
 - (iii) Setiap Program yang ingin dilaksanakan perlu melalui dan mendapat persetujuan Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan juga Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan; dan
-

- (iv) Sekiranya kutipan sisa dilaksanakan di negeri-negeri yang berkuat kuasa di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan awam 2007 (Akta 672) iaitu Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya, pihak XUsed perlu membuat permohonan lesen pengusahaan atau penyediaan perkhidmatan pemungutan dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal.

3. Pihak Kementerian berharap semoga "Program XUsed Earn & Recycle" ini mampu memberikan impak yang positif dan manfaat kepada golongan sasaran terutamanya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan melaksanakan amalan 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) dalam mewujudkan persekitaran yang lestari.

4. Perhatian awal dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BEKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. MADYA DR. RAMZAH DAMBUL)

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

s.k:

KSU MESTECC